

03 MAR 1999
Siasatan-Hujah
PEGUAM AKAN MENGGULUNG HUJAH ESOK

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Suruhanjaya Siasatan Diraja yang ditubuh bagi menyasat kecederaan yang dialami oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis akan mendengar penggulungan hujah daripada pelbagai pihak yang terbabit dalam siasatan itu, esok.

Bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Anuar Zainal Abidin, yang mengetuai panel tiga anggota suruhanjaya itu membenarkan penghujahan itu selepas peguam yang mewakili pelbagai individu dan bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman, yang membantu siasatan itu, menyatakan mereka mahu menggulung hujah.

Anggota lain suruhanjaya itu ialah bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mahadev Shankar dan pakar bedah ortopedik, Datuk Dr Yeoh Poh Hong.

Penubuhan suruhanjaya itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Januari lepas.

Bidang tugas suruhanjaya siasatan itu termasuk menyasat dan memeriksa kecederaan yang dialami Anwar semasa dalam tahanan polis dengan matlamat mengemukakan sebab-sebab kecederaan itu dan memastikan siapa yang bertanggungjawab atau siapa yang bersubahat menyebabkannya.

Ia kemudian akan melaporkan kepada Yang di-Pertuan Agong mengenai tindakan sesuai yang patut diambil terhadap pegawai atau pegawai-pegawai yang terbabit menyebabkan kecederaan Anwar.

Anwar, yang dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept tahun lepas dan ditahan pada 20 Sept kerana didakwa mengetuai perhimpunan haram, muncul dengan mata kiri yang lebam semasa dihadapkan ke mahkamah pada 29 Sept.

Dia mendakwa telah dipukul sehingga pengsan semasa dalam tahanan polis.

Terdahulu, panel itu menolak permohonan Karpal Singh yang mewakili Anwar untuk memanggil tiga saksi lain sebagai tambahan kepada 21 orang saksi yang dipanggil oleh Abu Talib.

Perkara itu timbul selepas Abu Talib memberitahu siasatan itu bahawa dia telah mengemukakan bukti yang mencukupi kepada suruhanjaya itu, terutama pengakuan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor yang mungkin membolehkan panel itu membuat keputusan dan mengemukakannya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Karpal berkata beliau bercadang memanggil SAC II Mat Zain Ibrahim yang mengetuai pasukan khas yang menyasat kecederaan Anwar, Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail dan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah.

Menurutnya, Mat Zain perlu dipanggil kerana dia telah mengemukakan laporan kepada Mohtar bersabit penyiasatannya dan Abdul Gani pula, kerana keterangan yang pada siasatan itu membuktikan beliau berada di Bukit Aman pada malam Anwar ditahan manakala Mohtar pula perlu dipanggil untuk mengetahui tindakannya selepas menerima laporan itu.

Apabila Anuar bertanya Karpal sama ada dia menganggap bilangan saksi yang dipanggil tidak mencukupi, Karpal menjawab bahawa mungkin terdapat cubaan untuk menutup perkara itu oleh Abdul Rahim sendiri.

Abu Talib, ketika meminta siasatan itu menolak permohonan itu, berhujah siasatan itu tidak harus terkeluar daripada bidang tugasnya untuk mengenal pasti sesiapa yang bertanggungjawab menyebabkan kecederaan yang dialami Anwar.

Katanya, adalah tindakan yang "nakal" bagi Karpal untuk memanggil tiga saksi itu kerana pada pendapatnya kehadiran mereka tidak akan dapat, dengan

cara apa sekalipun, membantu suruhanjaya itu menyempurnakan tugasannya.

Pada permulaan siasatan itu, sehelai sapu tangan yang digunakan untuk menutup mata Anwar selepas dia ditahan pada 20 Sept ditandakan sebagai barang bukti siasatan.

Saksi ke-21, ASP Mohd Rodwan Mohd Yusoff, 41, dari Bahagian Pendakwaan/Undang-undang, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman berkata beliau menyerahkan sapu tangan berkenaan kepada Mat Zain yang pada ketika itu menjalankan penyiasatan ke atas kecederaan Anwar.

Sapu tangan itu yang masih mempunyai sedikit kesan darah diserahkan tanpa dibasuh atau digosok, katanya.

Beliau kemudiannya diminta menunjukkan cara sapu tangan itu diikat pada mata Anwar dan menurutnya sapu tangan itu dilipat beberapa kali sebelum diikat pada mata Anwar dengan bahagian hujungnya berada di atas bibir Anwar.

Terdahulu, Mohd Rodwan berkata beliau berada di kaunter lokap Bukit Aman pada malam berkenaan dan nampak Anwar dibawa masuk ke lokap dengan matanya bertutup manakala tangannya tidak digari.

Selepas itu, beliau nampak Abdul Rahim dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Yaacob Mohd Amin masuk ke kawasan lokap dan nampak Abdul Rahim membuat isyarat dengan meletakkan jari ke bibir, menutup mata dengan tangan dan gari.

Beliau tidak dapat memastikan kepada siapa isyarat itu ditujukan dan semasa kedua-dua pegawai kanan polis itu berjalan menuju ke arah sel, beliau ternampak Roslan Kassim (bekas Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan) menjenguk-jenguk dari arah selnya untuk mengetahui apa yang berlaku.

Katanya, sejurus kemudian, beliau ternampak Yaacob menarik belakang Abdul Rahim sehingga keluar dari pintu masuk lokap dan kemudian mereka berdua terus beredar dari situ.

Semasa ditanya sama ada beliau ada mendengar suara mengadu kesakitan, Mohd Rodwan menjawab "tidak" kerana pada masa itu perhatiannya tertumpu untuk menyuruh Roslan Kassim dan beberapa pendatang asing Indonesia yang ditahan untuk masuk ke sel masing-masing.

Selepas itu, katanya, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Ramli Yusof datang untuk meminta beliau mencari ubat dan setelah memasuki sel, beliau mendapati Anwar sedang duduk di atas pangkin simen di situ dengan matanya ditutup dan tangan bergari ke belakang.

Selepas beberapa ketika, Mohd Rodwan berkata beliau berjaya mencari minyak gamat dan sekembalinya ke sel untuk menyapu minyak itu ke atas Anwar, beliau mendapati ada seorang anggota polis lain yang sedang menuam benjol di dahi Anwar.

Terdahulu, Pegawai Penyiasat Kanan Ibupejabat Polis Brickfields, ASP Abdul Aziz Abdul Majid, 31, berkata beliau mendengar suara jeritan seseorang yang mengerang kesakitan "aduh, aduh" dan "janganlah pukul saya" dari arah sel selepas Abdul Rahim dan Yaacob memasuki sel.

Pada masa itu beliau berada di kawasan kaunter lokap dan selepas Abdul Rahim serta Yaacob meninggalkan lokap, Ramli datang dan memberitahunya bahawa Abdul Rahim telah memukul Anwar di dalam lokap.

"Sambil menggelengkan kepala, Datuk Ramli berkata habislah kita, Tan Sri IGP dah pukul Datuk Seri Anwar. Nasib baik saya dapat halang Tan Sri Rahim dari terus memukul Datuk Seri Anwar, jika tidak, lagi teruk Datuk Seri Anwar kena pukul," katanya.

Abdul Aziz berkata Ramli bagaimanapun tidak memberitahunya mengapa Abdul Rahim memukul Anwar.

Siasatan disambung esok.

-- BERNAMA

ROS LAT AKD